

25 SEP 1998

Khalid-Anwar

UTAMAKAN PARTI DAN MASA DEPAN NEGARA, KATA KHALID

SLIM RIVER, 25 Sept (Bernama) -- Anggota Umno hendaklah mengutamakan kepentingan parti dan negara daripada kepentingan individu bagi memastikan keamanan yang berterusan, kata Anggota Majlis Tertinggi Umno, Datuk Haji Khalid Yunus hari ini.

Timbalan Menteri Pendidikan itu berkata, pemimpin datang dan pergi dan apa yang perlu diberi keutamaan ialah apa yang akan berlaku kepada orang Melayu dan Umno yang menjadi tunjang pemerintahan negara ini.

"Orang ramai terutama anggota Umno tak perlu susah-susah nak fikir apa yang akan berlaku kepada pemimpin parti itu kerana itu tidak penting berbanding apa yang akan jadi kepada lebih dua juta anggota Umno dan 22 juta rakyat Malaysia", katanya ketika berucap pada sambutan Jubli Intan Kampung Balun hari ini.

Kampung Balun yang dibuka pada tahun 1920 menjadi johan pertandingan Bumi Hijau peringkat Kebangsaan pada awal tahun 1970-an semasa Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri.

Khalid berkata apa yang berlaku kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilucutkan daripada jawatan kerajaan dan keanggotaan parti adalah berkaitan dengan masalah moral dan biarkanlah dia menyelesaikan masalahnya.

Anggota parti jangan gelabah tetapi harus bertenang dan mendengar cakap pemimpin iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri, kata beliau.

Menurut Khalid, Dr Mahathir mempunyai segala jentera dan rangkaian untuk mendapatkan maklumat dan beliau tidak akan mengambil tindakan drastik ke atas Anwar jika tiada sebab yang konkrit.

"Takkan Dr Mahathir hendak menganiayai Anwar yang dibawa masuk ke dalam Umno dan diasuh untuk menggantikan beliau sebagai Perdana Menteri," katanya.

-- BERNAMA

LAT NMO